

Rumah Kerabat Sultan Selangor Di Bukit Tunku Dipecah Masuk
Bernama
7 April, 2012

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Rumah mewah tiga tingkat kerabat Sultan Selangor dimasuki dua lelaki dan mereka melarikan sebuah kereta mewah Mercedes Benz serta barangan berharga di Bukit Tunku di sini, Jumaat.

Kejadian pada kira-kira 5 pagi itu dilakukan dua lelaki dipercayai warga Indonesia yang telah memecah masuk melalui tingkap depan sebelum mengikat tiga pembantu rumah wanita di kediaman itu, menurut sumber polis.

"Sewaktu kejadian kesemua ahli keluarga kerabat Diraja Selangor itu tiada di rumah kerana mereka berada di luar negara dan hanya pembantu rumah saja yang menjaga rumah itu. Mereka tidak dcederakan," katanya.

Beliau berkata siasatan awal polis mendapati tingkat dua dan tiga rumah itu telah digeledah dua lelaki itu berdasarkan banyak kesan cap jari ditemui.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657498>